

**NO. SOALAN: 450**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10138**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah bagi mengatasi  
aktiviti penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa di kawasan  
Projek Perumahan Rakyat (PPR).**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi mengatasi aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan tersebut, program pencegahan telah dilancarkan adalah seperti berikut:**

- i. *Community Empowerment* sebanyak 51 program;**
- ii. *Omnipresence* sebanyak 115 program;**
- iii. Ops Cegah sebanyak 50 program yang melibatkan lawatan dari rumah ke rumah di kawasan PPR;**
- iv. Ops Bersepadu melalui 15 program yang melibatkan agensi penguatkuasa seperti AADK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Sukarelawan (RELA) dalam operasi mengesan penagih dadah;**
- v. melantik Ikon Antidadah seramai 8 orang sebagai 'duta' AADK bagi menggerakkan kempen kesedaran pencegahan dadah; dan**
- vi. menghebahkan program-program yang dilaksanakan oleh AADK melalui media massa (elektronik, cetak, siaran radio dan televisyen).**

**SOALAN ( 451 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ  
[PASIR MAS]**

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tindakan yang dilaksanakan bagi  
mengekan kenaikan terlalu tinggi harga rumah dan dasar yang  
diperkenalkan khususnya dalam Dasar Perumahan Negara untuk fasa  
berikutnya bagi tujuan tersebut.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemerhatian Kerajaan, isu kesukaran untuk memiliki rumah akibat harga yang tinggi yang berlaku pada masa kini adalah disebabkan harga rumah di pasaran yang tinggi akibat peningkatan kos pembinaan.

Selain itu, ketidakseimbangan permintaan dan penawaran (*demand and supply*) rumah dalam pasaran juga berlaku. Ia disebabkan oleh aktiviti migrasi penduduk ke kawasan bandar bagi mencari peluang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan teras-teras yang digariskan dalam Dasar Perumahan Negara DRN 1.0, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal kenaikan harga rumah di pasaran iaitu:

- a) Meningkatkan penawaran rumah di pasaran dengan penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai tahun 2013 sehingga 2018 dengan kerjasama strategik pelbagai agensi Kerajaan dan swasta untuk menyediakan lebih banyak pilihan rumah.
- b) Mengekang aktiviti spekulasi dengan mengadakan inisiatif berikut:
- i) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
  - ii) Menaikkan harga jualan hartanah minimum, kepada warga asing kepada RM1 juta;
  - iii) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat dan insentif yang diberi kepada pembeli;
  - iv) Larangan ke atas pelaksanaan Developer Interest Bearing Scheme (DIBS) yang boleh mengelirukan pembeli rumah;
  - v) Mewajibkan semua pemaju melaporkan pembelian melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh seseorang individu atau syarikat; dan
  - vi) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan ke atas di mana peminjam hanya

memperoleh pinjaman tidak melebihi 70% sahaja (baki 30% lagi perlu ditanggung sendiri oleh pembeli).

c) Kerajaan turut mengambil pelbagai langkah tambahan bagi memantapkan kawalan ke atas sektor perumahan negara demi keperluan rakyat. Antaranya adalah melalui penetapan harga siling Rumah Mampu Milik (RMM) kepada RM300,000.00 seunit dan menghadkan kepada pembeli rumah pertama sahaja. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [AKTA 118] juga telah dipinda dengan memperkukuhkan kawalan ke atas pemaju swasta.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

## SOALAN NO: 452

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI B. HAJI HABIBOLLAH**  
**[LIMBANG]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 452**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan klinik kesihatan di kawasan Parlimen Sibuti bagi Klinik Bekenu dan tapak tanah klinik kesihatan di **Sepupok Niah**.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Adalah dimaklumkan bahawa bagi kawasan Daerah Sibuti dengan penduduk seramai 50,000 orang telahpun mempunyai 5 buah klinik kesihatan (KK) iaitu KK Bekenu, KK Tun Haji Openg, KKIA Lambir , KK Batu Niah dan KK Ladang 3.

KKM memang mengambil maklum akan keperluan untuk meningkatkan lagi prasarana kesihatan di kawasan Sibuti. Sehubungan itu, cadangan

pembinaan sebuah **Klinik Kesehatan (Jenis 4) dengan Kuarters di Sepupok** akan dipohon melalui *Rolling Plan* 4, RMKe-11. Klinik kesehatan ini akan menggunakan rekabentuk pelan piawai baru yang merangkumi kemudahan bilik bersalin dan wad pemerhatian.